



---

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 2 TAHUN 2019

---

**PERLANJUTAN TEMPOH  
PENGURANGAN JUMLAH PERATUSAN  
BAYARAN PENGURUSAN PERUNDINGAN  
KEPADА 15% BAGI PROJEK PERUNDINGAN  
YANG KURANG DARI RM50,000.00**

**Pejabat Bendahari**

13 Mei 2019

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 9 ( 2 )

13 MEI 2019

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL.2/2019

### **PERLANJUTAN TEMPOH PENGURANGAN JUMLAH PERATUSAN BAYARAN PENGURUSAN PERUNDINGAN KEPADA 15% BAGI PROJEK PERUNDINGAN YANG KURANG DARI RM50,000.00**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengenai kelulusan perlanjutan tempoh pengurangan jumlah peratusan bayaran pengurusan perundingan kepada 15% bagi projek perundingan yang kurang dari RM50,000.00 untuk tempoh tiga (3) tahun iaitu dari **15 Mac 2019 sehingga 14 Mac 2022.**

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Garis Panduan Perundingan UTeM yang dipekelilingkan pada 20 Oktober 2015 iaitu di bawah para 13.4 (Bayaran Pengurusan Perundingan (Syarikat/Universiti)) ada menjelaskan tentang peratusan yang perlu diambilkira oleh kumpulan perunding dalam bayaran pengurusan perundingan (Syarikat/Universiti) bagi semua nilai projek perundingan iaitu sebanyak 20% (bagi klien sektor kerajaan) atau 25% (bagi klien sektor swasta) daripada:
  - i. *Jumlah Kos Bayaran Profesional / Honorarium; dan*
  - ii. *Jumlah Kos Langsung.*

- 2.2 Pengagihan bayaran pengurusan yang dijalankan di UTeM akan diagihkan kepada tiga (3) pihak mengikut pecahan seperti berikut:

% Agihan	Pihak yang menerima agihan Bayaran Perundingan
60%	UTeM
30%	Tabung Kewangan PTj yang berkenaan
10%	Tabung Kewangan PPNC(JIM)

- 2.3 Cadangan pengurangan jumlah peratusan bayaran pengurusan perundingan dikurangkan kepada 15% bagi projek perundingan yang kurang dari RM50,000 adalah untuk memastikan kumpulan projek mendapat lebih faedah dan projek lebih kompetitif.
- 2.4 Surat Pekeliling Kewangan Bil. 1/2018 iaitu Pengurangan Jumlah Peratusan Bayaran Pengurusan Projek Perundingan Bagi Projek Perundingan Yang Kurang dari RM50,000 untuk tempoh setahun telah tamat pada 14 Mac 2019.
- 2.5 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2019 telah meluluskan perlanjutan tempoh pengurangan jumlah peratusan bayaran pengurusan perundingan kepada 15% sahaja bagi projek perundingan yang kurang dari RM50,000.00 untuk tempoh tiga (3) tahun iaitu dari **15 Mac 2019 sehingga 14 Mac 2022**.

### **3.0 PEMAKAIAN DAN PINDAAN SURAT PEKELILING**

- 3.1 Dengan berkuatkuasa surat pekeliling ini bermula 18 April 2019, maka Surat Pekeliling Kewangan Bil. 1/2018 adalah terbatal dan tidak terpakai lagi.
- 3.2 Manakala lain-lain peraturan yang digariskan dalam Garis Panduan Perundingan (Pekeliling Bendahari Bil.3/2015) hendaklah dipatuhi oleh PTJ dalam melaksanakan projek perundingan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah,



**KHAIRUL BIN TAIB**  
Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
*DA/UPPP/2019*